MELINTANG:

1. Bunyi seperti bunyi daun kering digosokkan dan lain-lain; tali kekang; (Indonesia-Belanda) bangs, rumpun bangsa.
5. Tembuni; berpusing ligat (gasing).
7. Sesuatu yang tak disebutkan namanya (orang, benda dan lain-lain).
9. (Jawa) cantik, molek; kakak perempuan (Jawa).
11. (Inggeris) peluang, harapan, kesempatan baik; (bahasa percakapan) cinta, bercinta, berkasih.
12. (Jakarta) jam (bahasa percakapan); (Eropah) sejenis makanan dari buah-buahan dan gula (dimakan dendgan roti dan lain-lain).
13. Sesuatu (kail, pukat, tali, sekoci, sampan yang berisi muatan) yang ditarik dengan tali di belakang perahu; berduyun-duyun dengan banyaknya, berbondong-bondong; (kiasan) berjalan dan lain-lain berikut-ikut, berturut-turut; mengikut dari belakang, mengiringi; tangguh (bahasa percakapan), menghenti dan meneruskan kemudiannya, mengundurkan waktu; (Minangkabau) tolak dari belakang, sorong; berlepas, bertolak; berpanjangan mengerjakan sesuatu, berlama-lama.
14. Rumbai-rumbai, jumbai-jumbai, jerambai (pada tepi kain, tirai dan lain-lain); tidak kemas , sangat remeh (Kedah); sejenis pancang, patuk, tiang (untuk tanda dan lain-lain); (bahasa percakapan) orang yang suka merayau-rayau ke sana sini (tanpa tujuan), berkeliaran.
15. Berlanggar, bersentuh, bertemu, terantuk; berlaga, bersabung; (sedang) memperlagakan, meperlawankan; mencuba, mempertandingkan; memberitahukan (sesuatu hal yang kurang baik); meminta keadilan, mengemukakan perkara dan lain-lain (kepada hakim, polis dan sebagainya); memberitahu untuk merugikan (menganiayakan); tidur (digunakan untuk raja).
17. Mak, emak, bonda; panggilan yang hormat kepada wanita yang telah berumur, wanita yang telah bersuami; bahagian yang besar (induk, utama, pusat dan lain-lain) dari sesuatu (seperti pejabat dan sebagainya).
18. (Arab) cahaya, terang.
19. (Minangkabau) sebagai, seperti; (Indonesia-Belanda) sejenis kotak besar (tempat sampah, air dan lain-lain), kolam (tempat air di bilik mandi); (Cina) dakwat Cina; bunyi menampar (jatuh dan lain-lain), debak; (bahasa percakapan) beri, kasi.
20. (Indonesia-Belanda) pita; jalan keretapi dan lain-lain; landasan terbang, padang bolasepak; (Inggeris) sejenis roti kecil; batas; mendendgar dengar cermat (Kelantan).
22. Kata penunjuk untuk benda (tempat dan waktu) yang dekat; lawan itu; kini, sekarang; istimewa pula (lebih-lebih lagi, apa lagi, tambahan pula.

KE BAWAH:

1. Sejenis tumbuhan (pokok), cemara laut; paku pakis.
2. (Eropah) gelanggang.
3. Kata penyerta yang digunakan di depan nama orang (sebagai timang-timangan, panggilan, ejekan atau sebagai penghinaan); kata penyerta yang digunakan di depan nama sendiri (untuk merendahkan diri); kata penyerta untuk menegaskan orang yang melakukan atau yang terkena sesuatu; awalan pada berbagai nama binatang atau tumbuhan; (Jakarta) agaknya, gerangan (bahasa percakapan); memang, benar, sungguh, sih.
4. Lagu atau nyanyi (yang dinyanyikan perlahan-lahan) untuk menghibur hati sendiri; lagu yang dinyanyikan perlahan-lahan untuk menidurkan anak.
6. Pertandingan (perlumbaan, peraduan dan lain-lain) untuk mendapat hadiah.
7. Cetakan, tempat tuangan, lembaga tempat membentuk, mencetak kuih dan sebagainya.
8. Berjalan ke belakang, surut ke bekalang, lawan maju; pergi menjauhkan diri (dari), menghindar (dari), pergi (dari); surut (kerana tak dapat melawan lagi dalam peperangan), mundur; (kiasan) mengaku kalah, beralah; meletak jawatan, berhenti; menangguhkan hingga ke lain waktu, melewatkan; (Jawa) sejenis binatang kecil yang gemar makan semut; sejenis ketam kecil di pantai.
9. (Arab) aneh, ganjil, pelik, jarang terdapat; sesuatu yang aneh, kehairanan.
10. Kata-kata yang manis atau janji yang muluk-muluk (untuk memujuk, menipu dan lain-lain); berbagai pujuk dan rayu, gumbuk.
16. HUtan yang berpaya-paya, hutan rawa; (Jawa) pemarah, lekas marah, panas yang tidak lekas hilang, sangat pemarah.
20. (Arab) dengan, atas; kependekan bibi.
21. Kependekan ini; kependekan nini; (Minangkabau) kependekan uni (kakak perempuan); (Kedah) engkau, awak, kamu (bahasa percakapan).



JAWAPAN KELMARIN



SANG RAJUNA TAPA

oleh: HALIM TEH

BPR siasat aduan pegawai mahkamah terima $300

JOHOR BAHRU, Ahad — Badan Pencegah Rasuah (BPR) sedang menyiasat kes seorang pegawai kanan mahkamah di Muar yang didakwa menerima $300 dari seorang peniaga selepas satu jamuan di Jalan Arab, Muar 15 Oktober lalu.

Sumber-sumber BPR di sini hari ini memberitahu, pegawai kanan itu menuduh peniaga itu mengupah beberapa samseng untuk merosakkan keretanya yang terletak di luar bangunan tempat jamuan itu.

Mereka sebelum itu bersama-sama beberapa peguam dan peniaga menghadiri jamuan meraikan seorang lagi pegawai kanan Mahkamah Tinggi daerah itu pertengahan bulan lalu.

Pegawai kanan dan peniaga itu bertemu buat kali pertama di majlis itu selepas diperkenalkan oleh seorang peguam yang hadir.

Aduan

Kira-kira jam 2 pagi, selepas minum bir, peniaga itu mencadangkan mereka bersural, tapi pegawai kanan mahkamah itu membantah.

Bagaimanapun, selepas dipujuk oleh rakan-rakan peguam, dia bersetuju meninggalkan tempat itu.

Sebaik saja mendapati lilitan getah dan aluminium pada keretanya rosak, pegawai kanan mahkamah itu menuduh peniaga itu mengupah samseng melakukan perbuatan itu.

Sumber-sumber BPR menambah, dia kemudian menuntut gantirugi $500 dari peniaga itu atas kerosakan itu jika perkara itu akan dilaporkan kepada polis.

Peniaga yang tidak mahu bertengkar kerana ketika itu hampir subuh, bagaimanapun minta pegawai kanan itu menghantar keretanya ke bengkel membaiki kereta dan dia akan menanggung bayarannya.

Bagaimanapun, pegawai kanan itu enggan. Sebaliknya dia menuntut bayaran serta merta. Peniaga yang tidak mempunyai cukup wang itu menyerahkan $300 kepadanya.

Selepas menerima $300 pegawai itu sekali lagi mendakwa peniaga itu bertanggungjawab atas keretakan cermin depan keretanya dan menuntut $1,000 yang harus dijelaskan kemudian.

BPR pergi ke rumah pegawai berkenaan bersama-sama peniaga itu sebaik menerima aduan. Ketika itu dia (pegawai kanan mahkamah) memberitahu peniaga itu tidak perlu membayar $1,000 yang dimintanya sebelum itu.

Sementara itu, Pengarah BPR, Encik Hashim Mohd Dom mengesahkan segala keterangan pegawai kanan mahkamah itu dicatatkan.

Loteri haram: Enam ditahan

PULAU PINANG, Ahad — Polis Mencegah Maksiat di sini menangkap enam orang termasuk tiga orang wanita yang disyaki terbabit dengan permainan loteri haram di sebuah rumah dua tingkat di Jalan Terengganu pada jam 4.00 petang semalam.

Serbuan itu diketuai oleh Inspektor Low Beng Chua dan menjumpai enam jadual utama dan 200 pengumpul jadual di rumah itu.

Enam orang itu berumur antara 30 dan 35 tahun. Menurut sumber enam jadual utama itu bernilai lebih kurang $50,000 wang pertaruhan.

Wanita nak bantu daftar pengundi

BAGAN DATOH, Ahad — Pergerakan Wanita Umno Malaysia akan melancarkan pendaftaran pengundi di seluruh negara tahun depan.

Ketuanya, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani berkata langkah ini sebagai usaha membantu kerajaan untuk mendaftarkan lebih ramai kaum wanita untuk menjadi pengundi.

Beliau menyatakan perkara ini kepada para pemberita selepas berceramah dalam kempen pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Rungkup di Kampung Pasang Api dekat sini petang semalam.

Katanya, pendaftaran akan dilakukan oleh cawangan-cawangan Wanita Umno di seluruh negara dan mereka yang mendaftar paling ramai pengundi akan diberi hadiah.

Menurut beliau, masih ramai wanita Melayu yang tidak mendaftar sebagai pengundi atas sebab tertentu.

Wanita Umno katanya, sedang membuat kajian untuk mengenalpasti sebab wanita Melayu dan lain-lain kaum tidak mahu mendaftar.

Kerajaan tak akan batal kontrak besar

MELAKA, Ahad

KERAJAAN tidak akan membatalkan sebarang kontrak besar untuk projek-projek pembangunan walaupun negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Sebaliknya kerajaan akan mengubahsuai peraturan dalam kontrak-kontrak besar khususnya yang membabitkan kewangan yang banyak.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah menjelaskan demikian kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu cawangan Melaka di sini petang semalam.

Beliau yang diminta bercakap mengenai kedudukan ekonomi negara masakini berkata, kerajaan hanya akan mengubahsuai peraturan dalam kontrak-kontrak besar.

Katanya, antara langkah yang dipertimbangkan ialah memanjangkan jangka masa kontrak-kontrak besar bagi menyesuaikan kedudukan ekonomi negara masakini.

Berkembang

Menurutnya, jika tempoh sesuatu kontrak itu tiga tahun, ia akan dipanjangkan kepada lima tahun atau melanjutkan sesuatu kontrak antara dua atau tiga tahun.

Katanya, kerajaan terpaksa mengambil langkah demikian untuk mengawal kedudukan kewangan negara.

Tengku Razaleigh menjelaskan, langkah kerajaan ini telah memberi kesan yang baik dan dialu-alukan oleh bank-bank dunia.

Katanya, kerajaan juga terpaksa mengubahsuai pasaran supaya barangan kita ke luar negeri khususnya ke pasaran baru.

"Tumpuan kita bukan saja ke negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah tetapi juga negara-negara lain seperti Afrika, Amerika Latin, benua Asia serta negara-negara kecil yang lain," ujarnya.

Tengku Razaleigh

Bagaimanapun, pengluasan pasaran barangan ini bergantung pada pengeluaran, keupayaan dan mutu yang baik dari syarikat dan kilang-kilang di negara ini.

Oleh itu kata beliau, mereka hendaklah menggunakan alat-alat yang lebih moden untuk mendapatkan mutu dan pasaran yang baik di luar negeri.

Beliau mengulangi ramalan bahawa kedudukan ekonomi negara akan pulih dan berkembang di tahun depan dan tahun 1985.

Malaysia syor tubuh pusat bahasa Perancis di Asia

PARIS, Ahad — Pelbagai masalah pelajar dari Asia yang mengikuti pengajian di universiti di Perancis dibincang dalam satu perjumpaan di sini Jumaat lalu.

Seramai 15 orang pelajar dan pengajar, termasuk dari Malaysia, yang hadir mengemukakan kesulitan yang mereka hadapi seperti pengiktirafan ijazah, pembelajaran bahasa Perancis, biasiswa, tempat tinggal dan masalah sosial ketika menuntut di sini.

Perjumpaan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Asia Persekutuan Antarabangsa Tenaga Pengajar Bahasa Perancis (FIDPF) mendengar beberapa cadangan termasuk penubuhan jawatankuasa Asean bagi tenaga pengajar bahasa Perancis yang dikemukakan oleh wakil-wakil dari Malaysia.

Dua orang wakil dari Malaysia, Encik Hamzah Sulaiman dan Encik Zabid Abdul Rashid) mengesyorkan penubuhan pusat pembelajaran bahasa Perancis di Asia bagi memperkembangkan pengajaran bahasa itu.

Kedua-dua wakil itu berpendapat bahawa pusat seumpama itu boleh diadakan sama dengan pusat pembelajaran bahasa Inggeris yang bertempat di Singapura.

Memperbaiki

Beberapa orang wakil dari India, China, Indonesia, Thailand dan Korea mengemukakan beberapa pandangan mengenai cara bahasa Perancis diajar di negara masing-masing.

Presiden Jawatankuasa Asia FIDPF, Kashinath Mahale, berkata ini adalah kali pertama perjumpaan antara tenaga pengajar dan pelajar dari Asia diadakan bertujuan mengetahui masalah bersama.

Beliau berharap dapat menyampaikan masalah yang ditimbulkan dalam perjumpaan itu ke pengetahuan pihak berkuasa berkenaan khususnya di Perancis.

Presiden Centre Internationale De Setude de Francais yang berpejabat di Kanada, Michel Tetu, dalam ucapannya berkata perjumpaan itu memberi peluang bagi mengetahui dan mencari jalan memperbaiki lagi kaedah pembelajaran bahasa Perancis.

Para wakil yang hadir bersetuju menganjurkan 'malam Asia' pada 10 Disember depan bagi memperkenalkan lagi berbagai kebudayaan di rantau Asia.

Sebuah jawatankuasa kecil dibentuk yang dianggotai juga oleh wakil dari Malaysia bagi menjayakan malam itu.

Kedua-dua wakil Malaysia itu dijemput menghadiri perjumpaan itu melalui Kedutaan Malaysia di Paris. — Bernama.

5 alasan Pas bukti pemimpin Umno kafir

BATU PAHAT, Ahad — Pas menggunakan lima hujah untuk membuktikan kononnya Umno terkeluar dari landasan Islam dan pemimpin-pemimpinnya pula menjadi kafir.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Encik Awang Jabar menghuraikan kelima-lima hujah itu seperti berikut:

● Perjuangan Umno berlandas pada nasionalisme dan menurut hadis yang sahih perjuangan assabiyah atau nasionalisme itu bertentangan dengan Islam.

● Umno berganding bahu dengan parti-parti bukan Islam sedangkan Quran jelas mengharamkan orang Islam memilih orang bukan Islam sebagai pemimpin.

● Umno sebagai parti pemerintah tidak melaksanakan hukum pidana atau hudud mengikut suruhan Islam.

● Falsafah perjuangan Umno yang pragmatis sehingga ada kalanya lebih sosialis dari parti sosialis dan lebih komunis dari komunis mengikut keperluan masa dan tempat.

● Umno mengamalkan sistem ekonomi terbuka yang akhirnya kembali pada faham kapitalisme.

Encik Awang Jabar berkata demikian di kursus sivik Pemuda Umno Semerah semalam.

Katanya, berdasarkan alasan-alasan itu para pemimpin Umno dicap kafir, thaghut, firaun dan abu jahal.

Bagaimanapun Encik Awang mengingatkan para pemimpin Pas sengaja menyembunyikan sebahagian lagi hadis mengenai assabiyah yang mengatakan sesiapa yang berjuang atas sifat nasionalisme itu kafir.

"Lanjutan dari hadis itulah para sahabat telah meminta Rasulullah menjelaskan maksud assabiyah dan Rasulullah menerangkan bahawa assabiyah itu ialah bila kamu berkongsi melakukan kezaliman ke atas orang lain," katanya.

Mengenai soal kafir pula, beliau menjelaskan bahawa dari segi tauhid, kafir terbahagi tiga jenis, iaitu yang boleh diperangi, kafir yang patut diberi perlindungan kerana taat pada pemerintahan Islam dan kafir yang mempunyai hubungan perjanjian damai dengan orang Islam.

"Rasulullah sendiri membuat perjanjian damai dan hidup dengan orang-orang Yahudi dan Nasrani ketika di Madinah. Apa salahnya kita berganding bahu dengan parti bukan Islam yang sama-sama ingin membangunkan negara ini," katanya.

Badan khas kesan penyelewengan dalam agensi2 kerajaan dibentuk

TEMERLOH, Ahad — Kerajaan akan membentuk satu badan khas bagi mengesan dan membanteras sebarang penyelewengan dalam agensi-agensinya di masa akan datang.

Timbalan Menteri Perdangan dan Perindustrian, Haji Mahyuddin Yasin berkata, badan khas itu dijangka dapat mengatasi masalah penyelewengan di setengah-setengah agensi kerajaan itu.

Katanya, cadangan membentuk badan itu telah dipersetujui kabinet baru-baru ini dan akan memulakan tugasnya tahun depan.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab seoalan selepas membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru sejak dilancarkan sehingga masakini dengan penekanan khas terhadap kekesanan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan' di konvensyen ekonomi Pemuda Umno bahagian Temerloh di Sekolah Kebangsaan Tementi di sini.

Haji Mahyuddin menegaskan, dengan berlakunya penyelewengan seperti Bumiputra Malaysia Finance dan Risda baru-baru ini, secara tidak langsung akan menjejas pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Penyelewengan yang berlaku jelas menunjukkan bahawa setengah-setengah golongan telah mengabaikan tanggungjawab pada rakyat khususnya Bumiputera yang menaruh kepercayaan dan harapan pada mereka.

Timbalan Menteri itu juga menyatakan, kementeriannya telah mengenalpasti empat jenis industri kecil yang berpotensi boleh dilaksanakan oleh Bumiputera.

Membantu

Industri-industri itu adalah seperti memproses bahan makanan, perabut dari kayu kayan dan rotan, pembuat alat logam dan membuat bahan binaan seperti batu bata dan batu blok.

Haji Mahyuddin memberitahu, kemnteriannya sedang menimbang memberikan kemudahan-kemudahan tertentu kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera bagi melaksanakan projek mendirikan industri-industri kecil di negara ini.

Bagi tujuan itu katanya, Kerajaan Negeri telah memberikan persetujuan untuk menguntukkan lebih banyak tapak industri kepada pengusaha-pengusaha tempatan di negeri masing-masing bagi memesatkan lagi pertumbuhan industri kecil di negeri berkenaan.

Katanya, kementeriannya akan menyediakan berbagai kemudahan termasuk mengadakan khidmat bimbingan dan kursus di bawah skim bimbingan usahawan dan membantu dari segi pemasaran barangan yang dikeluarkan di dalam dan luar negeri.

Tiga lelaki miliki dadah ditangkap

KUALA TERENGGANU, Ahad — Polis menangkap tiga lelaki berumur 16 dan 24 tahun dan merampas 66 tiub heroin seberat 4 gram, dalam satu serbuan, di sebuah rumah kosong, di Kampung Losong Masjid, di sini pagi semalam.

Menurut Pemangku Ketua Siasatan Jenayah Negeri, ASP Zainal Abidin Ali, sepasukan anggota cawangan anti dadah telah membuat pemeriksaan di rumah itu dan menjumpai heroin tersebut kira-kira jam 10.30 pagi.

Katanya, tiga orang lelaki yang berada di rumah itu turut diberkas.

Operasi Banteras Satu mencapai matlamatnya — Kassim

PASIR PUTEH, Ahad — Operasi Banteras 1 yang sedang dijalankan di seluruh negara berjaya menangkap ramai penjenayah di seluruh negara, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Kassim Ahmad hari ini.

Operasi itu yang disertai beribu anggota polis dan Polis Hutan bermula serentak di seluruh negara sejak 1 November lalu dan akan diteruskan hingga beberapa waktu lagi, katanya.

Belaiu bagaimanapun tidak menyebut jumlah mereka yang ditangkap.

Terpengaruh

Encik Kassim memberitahu para pemberita demikian selepas merasmikan majlis khatam Quran di Masjid Gaal, dekat sini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen kawasan Machang menambah, kejayaan operasi itu adalah hasil kerjasama orang ramai.

"Rakyat telah memberi kerjasama yang sangat menggalakkan," ujarnya.

Belaiu menyeru orang ramai supaya terus membantu anggota-anggota polis sehingga semua penjenayah ditangkap.

Encik Kassim berkata, kementeriannya akan mengkaji kandungan sebuah buku yang mengajar ajaran Syiah yang dipercayai diimport dari sebuah negara asing.

Katanya, buku itu jika didapati boleh merosakkan akhlak atau membahayakan ketenteraman awam akan dirampas.

Mereka yang mengimportnya boleh didakwa di bawah Seksyen 4 Akta Kawalan Penerbitan.

Sebelum itu, Pengarah Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam Kelantan, Haji Wan Lokman Wan Ahmad menyatakan buku itu sedang diedar kepada orang ramai di negeri ini oleh pihak tertentu yang mahu menyebarkan menganuti ajaran Syiah.

Encik Kassim menyeru orang ramai yang telah membeli buku itu supaya membuangkannya.

Katanya, orang Islam di negeri ini jangan mudah terpengaruh dengan ajaran Syiah.

Buku ASN Ibrahim ada di Machang

● ENCIK Ibrahim Mohamed Zin dari Pejabat Pertanian

Pemilihan baru tahun '84

● ZAINAL Mohd Jani dari Kulai, Johor berminat untuk memasuki Perantis Putera Angkatan Tentera Malaysia.

Beliau ingin tahu bila pengambilan anggota

Ahli2 Umno diminta tegur jika pemimpin buat silap

SYARIKAT PELANCUNGAN

NIKMATILAH KEINDAHAN ALAM MELALUI PELANCUNGAN
Kunjungilah tempat-tempat indah dan bersejarah dinegeri jiran. Saksikan Kebudayaan mereka.

INDONESIA

3 hari	Medan & Prapat	$350/-
5 hari	Medan, Danau Toba, Brastagi	$450/-
7 hari	Medan, Bukit Tinggi, Padang	$880/-